



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

1MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN

Rujukan Kami: J.Pel.Pk. (HEM) 5128/9/1 Jld 4 (22)

Tarikh : 5 Januari 2018

Semua Pengarah Kolej Vokasional,
Semua Pengetua dan Guru Besar,
Sekolah-sekolah Negeri Perak.

Tuan,

SURAT SIARAN DAN GARIS PANDUAN MENGENAI PELAKSANAAN BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN (BAP) TAHUN 2018 KEPADA MURID SEKOLAH KERAJAAN DAN SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN

Dengan segala homatnya saya merujuk surat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), KPM.800-4/1/5 Jld.11 (29) bertarikh 2 Januari 2018.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bantuan Awal Persekolahan (BAP) yang dikenali sebagai Bantuan Awal Persekolahan (BKAP1M) pada tahun 2017 akan diteruskan pelaksanaan pada tahun 2018. Pemberian bantuan ini bertujuan meringankan beban perbelanjaan persekolahan pada awal tahun yang ditanggung oleh ibu bapa/penjaga murid.
3. Sehubungan dengan itu, bagi tahun 2018 pelaksanaan BAP akan diteruskan berdasarkan Surat Siaran Mengenai Pelaksanaan Bantuan Awal Persekolahan (BAP) Tahun 2018 Bagi Sekolah Kerajaan (SK) Dan Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK), KPM.800-4/1/5 Jld 11(29) bertarikh 2 Januari 2018 dan dirujuk bersama Garis Panduan Bantuan Awal Persekolahan 2018 Kepada Murid Di Sekolah Kerajaan Dan Sekolah Bantuan Kerajaan. Bersama-sama ini dilampirkan surat siaran dan garis panduan untuk rujukan tuan.
4. Pihak tuan dimohon melaksanakan bayaran BAP berdasarkan Senarai Semak Sekolah (Lampiran A3). Sekiranya peruntukan tidak mencukupi, tuan perlu membuat permohonan tambahan melalui PPD masing-masing selewat-lewatnya pada 5 Mac 2018 dengan menggunakan borang seperti di (Lampiran B1a).
5. Sebarang pertanyaan boleh hubungi Penyelia Kanan HEM / Penyelia HEM di daerah masing-masing atau Penyelia Kebajikan JPN Perak, Cik Ruziah Binti Ab Majid, di talian 05-5015142 / 017-8842306.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(HAJI MAT JAAFAR BIN MAT ZAIN, PPT.)
Ketua Sektor,
Sektor Pembangunan Kemanusiaan,
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Perak.

s.k : Pejabat Pendidikan Daerah

SPK/Hem/ruzz/bb

Perak EXcellent

Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung

